

21 OCT 2002

Mahathir-Inggeris/I

DR MAHATHIR SERU KOMPONEN BN CAPAI KATA SEPAKAT DLM ISU B. INGGERIS

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meminta parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya membincangkan isu pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris secara rasional dan mereka perlu mencapai kata sepakat dalam hal itu.

"Jika kita mahu menolaknya, kita menolaknya. Jika kita mahu menerimanya, kita menerimanya. Jika kita mahu mengubahsuainya, kita mahu mengubahsuainya.

"Walaupun pun mari kita buat satu keputusan bersama," kata beliau kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang, malam ini, selepas tiba daripada lawatan selama seminggu ke India, Pakistan dan Arab Saudi.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai perbezaan pendapat pada beberapa parti komponen BN dalam isu itu.

Dr Mahathir berkata beliau mengelakkan daripada membuat kenyataan mengenai hal itu walaupun ramai yang bertanya apa yang beliau akan buat.

"Saya kata tunggu, tunggu, tunggu, kerana saya mahu semua orang menyedari mengapa ia penting.

"Kita tidak mendapat apa-apa keuntungan daripada segi politik. Apa yang kita mahu buat ialah demi kebaikan Malaysia dan rakyat Malaysia," katanya.

Majlis Tertinggi BN akan bertemu esok untuk membincangkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam mengajar Sains dan Matematik bermula tahun depan, dengan idea itu dilaporkan ditolak oleh MCA.

Dr Mahathir berkata, idea BN ialah membenarkan parti-parti anggota untuk membincangkan perkara-perkara dengan rasional dan mencapai satu perjanjian sepakat.

Beliau berkata kata sepakat yang dicapai itu mungkin untuk menolak ataupun mengubahsuai elemen-elemen mana-mana cadangan.

Tetapi yang paling penting ialah untuk memberikan peluang kepada BN membincangkan hal itu, katanya.

"Kalau kita ketepikan BN dan kita buat keputusan awal, ini tidak menunjukkan perpaduan dalam Barisan Nasional," kata beliau.

Perdana Menteri berkata beliau sentiasa menekankan bahawa BN memberi pertimbangan sama rata kepada semua parti komponen di majlis tertinggi BN walaupun parti-parti kecil.

Dr Mahathir berkata satu daripada perkara yang dikagumi dunia mengenai Malaysia ialah bagaimana kaum-kaum berlainan boleh hidup dengan aman dan alasan bagi ini seperti yang sentiasa dijelaskan, ialah konsep BN.

"Kita tidak akan asimilasi mereka, kita tidak akan membentuk parti tunggal. Kita akan mempunyai parti-parti yang mempunyai pandangan berbeza. Tetapi kita perlu sama-sama bersetuju dalam melakukan sesuatu perkara," katanya.

Beliau menjelaskan dalam ucapan-ucapannya, beliau sering kali mengambil kesempatan untuk menerangkan bahawa BN bertujuan mencapai kata sepakat di kalangan pelbagai parti.

Dr Mahathir berkata beliau tidak pernah menentukan keputusan mana-mana perbincangan di kalangan parti-parti komponen BN.

Mengenai hasil lawatan beliau ke India, Pakistan dan Arab Saudi, Dr Mahathir menyifatkan ia sebagai amat berguna.

Kata beliau, di India semasa berada di Hyderabad rombongan beliau telah meninjau kemajuan industri ICT di situ dan kemungkinan peluang kerjasama.

Dr Mahathir juga telah mengadakan perbincangan mengenai hubungan dua

hala dengan Perdana Menteri India Attal Bihari Vajpayee dan di Pakistan dengan presidennya Pervez Musharraf.

Mengenai lawatan ke Arab Saudi, Dr Mahathir berkata jelas bahawa selama ini Malaysia kurang menumpukan hubungan dagangan dan pelaburan dengan negara itu.

Beliau berkata terdapat banyak peluang untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan dengan negara yang mempunyai penduduk 23 juta orang itu.

Beliau juga sempat menceritakan lawatan ke pusat peranginan yang dimiliki oleh seorang jutawan di sana dengan jutawan itu turut mempunyai pelaburan sedemikian di beberapa negara lain.

Dr Mahathir berharap jutawan itu juga akan melabur di Malaysia.

Ketika di Arab Saudi Perdana Menteri juga telah menziarahi pasangan kembar siam Ahmad dan Mohamad yang sedang menjalani rawatan setelah menjalani pembedahan pemisahan dengan jayanya di sana.

Beliau berkata Mohamad kurang sihat dan kedua-dua mungkin tidak dapat balik sebelum Aildilfitri akan datang kerana masih perlu dirawat.

-- BERNAMA

MSL MAM PR